

APRIL  
2022

Aspirasi  
Kemiskinan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknpp.gov.my](http://www.pknpp.gov.my)

## YAB. MENTERI BESAR PAHANG MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT AHLI PERBADANAN PKNP DAN MENGHADIRI MAJLIS BERBUKA PUASA PKNP



YAB. Menteri Besar Pahang sedang meneliti minit mesyuarat bersama Ahli - Ahli Perbadanan PKNP

Kuantan, 11 April - YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail telah mempengerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil.1 /2022 di BCIC Lodge, Bandar Indera Mahkota, Kuantan pada petang tadi.

YAB. Dato Sri Wan Rosdy yang juga merangkap sebagai Pengerusi PKNP kemudiannya meluangkan masa berbuka puasa dan menunaikan solat maghrib bersama hampir 160 orang Warga Kerja Kumpulan PKNP.

Beliau turut memberikan sumbangan kepada 16 orang anak - anak yatim dari Pusat Jagaan Chahaya, Pelindung, Besaroh.

Turut hadir pada majlis ini adalah Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Ahli - Ahli Perbadanan PKNP, Pengurusan PKNP, Pegawai Kanan Anak Syarikat dan Warga Kerja Kumpulan PKNP.



Sumbangan duit raya untuk anak - anak yatim sedikit sebanyak menceriakan Aidilfitri yang akan menjelang tiba

## MAJLIS BERBUKA PUASA PKNP BERSAMA YAB. MENTERI BESAR PAHANG SERTA MENYAMPAIKAN SUMBANGAN KEPADA MAHAD TAHFIZ AR-RUSHD

Lipis, 5 April - YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail telah merasmikan Majlis Berbuka Puasa PKNP di Dewan Kampung Tanjung Gahai, Lipis baru - baru ini.

Dato' Sri Wan Rosdy juga telah menyampaikan sumbangan PKNP kepada Maahad Tahfiz Ar - Rushd dan kepada 15 orang pelajar tahfiz Maahad Tahfiz Ar - Rushd.

Penyampaian sumbangan telah disaksikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak dan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar.

Majlis anjuran PKNP ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Encik Mohd Razif bin Abdul Malek bersama - sama Pengurus, Ketua-ketua jabatan, tok-tok penghulu serta penduduk kampung Tanjung Gahai, Lipis.

Semoga majlis berbuka puasa ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara PKNP bersama penduduk kampung Tanjung Gahai serta menyokong pelajar-pelajar Tahfiz di dalam menimba ilmu keagamaan.



Dalam majlis yang sama, PKNP turut menyumbang RM 20,000 bagi pembangunan Maahad Tahfiz Ar - Rushd

## KUNJUNGAN HORMAT GAS MALAYSIA BERHAD KEPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP



Hubungan baik antara PKNP dan Gas Malaysia Berhad kekal utuh

Kuantan, 25 April - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato Mohd Faizal bin Jaafar telah dikunjungi oleh Gas Malaysia Berhad bagi membincangkan status terkini project Smart Glove City oleh Smart Glove Healthcare Sdn. Bhd.

Ini berikutan, pihak Gas Malaysia melalui anak syarikatnya Gas Malaysia Distribution Sdn.Bhd. merupakan pembekal utiliti gas kepada pelabur-pelabur di Kawasan Perindustrian Gebeng dan bakal membekalkan keperluan gas kepada projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM2 billion oleh syarikat Smart Glove Healthcare Sdn. Bhd. pada suku ke - 4 tahun 2022.

Encik Tuan Mohd Rafizam bin Tuan Jaafar selaku Jurutera Kanan syarikat telah memaklumkan bahawa Gas Malaysia Berhad sentiasa komited terhadap keperluan pelabur terutamanya di Kawasan Perindustrian Gebeng selaras dengan Gebeng Master Plan 2025.

Turut hadir adalah Pengurus Perindustrian PKNP, Tuan Haji Md. Daud bin Abdul Rahman dan Penolong Pengurus Perindustrian, Puan Dhaleazafarina binti Md. Zabani.

## SESI TAKLIMAT & PERMOHONAN DANA SYARIKAT TERJEJAS BENCANA ALAM DAN PANDEMIK COVID - 19 (SMEEF dan SMERF) SME CORP MALAYSIA



Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan aktif membantu para usahawan dalam mendapatkan info - info berkenaan dana - dana terutama yang terjejas teruk akibat Covid - 19

Kuantan, 8 April - Seramai 33 orang peserta menghadiri Sesi Taklimat dan Permohonan Dana Syarikat Terjejas Bencana Alam serta Pandemi Covid - 19 anjuran bersama SME Corp. Malaysia dan Perbadanan Kemanjangan Negeri Pahang (PKNP) bertempat di Dewan Seminar EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum, Kuantan.

Sesi taklimat ini dilaksanakan untuk memberi peluang kepada usahawan-usahawan untuk mendapatkan pinjaman serta bantuan yang disediakan oleh pihak SME Corp akibat bencana alam dan pandemik Covid - 19.

Sesi taklimat ini disampaikan oleh Pengarah SME Corp Malaysia, Pahang, Puan Nadia Yusof serta Ketua Wilayah Timur, Malaysia Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Puan Hizaramurny Zakaria. Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim turut memberi taklimat mengenai peranan Bahagian Keusahawanan di PKNP.

## MESYUARAT PENYELARASAN PELABURAN BOSAI MINERALS GROUP CO. LTD DI MCKIP FASA 2

Kuantan, 6 April - Satu mesyuarat penyelarasan bagi cadangan pembangunan projek pelaburan dari negara China iaitu Bosai Minerals Group CO. Ltd di

Taman Perindustrian Malaysia - China Kuantan (MCKIP), Gebeng telah diadakan pada 5 April 2022.



Mesyuarat penyelarasan bagi membincangkan status terkini dan gerak kerja secara bersepadu

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek dan turut dihadiri oleh Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Pengurus Teknik, Tuan Haji Mohamad Hasrizal bin Hasim, Penolong Pengurus Perindustrian, Puan Dhaleazafarina binti Md. Zabani dan wakil daripada ECERDC.

Cadangan pelaburan bagi projek ini dijangka meliputi kawasan seluas 600 ekar di dalam kawasan MCKIP 2 manakala Fasa 1 yang melibatkan 4 komponen dianggarkan melibatkan pelaburan berjumlah USD 860 juta.

## SESI PERBINCANGAN BERSAMA MPC WILAYAH TIMUR

Kuantan, 11 April - Satu sesi pertemuan dan perbincangan antara PKNP dengan MPC Wilayah Timur telah diadakan pada 13 April 2022 bagi membincangkan agenda Bengkel Memperkukuh Daya Saing Negeri



Perbincangan diadakan di Tingkat 15, Kompleks Teruntum

melalui Ekosistem Urusan Pembinaan bagi Pelabur Pahang Siri 3.

Sesi ini melibatkan Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Timur, Encik Mohd Azwan bin Mohd Salleh, Pengurus Perindustrian PKNP, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Pengurus - Pengurus dari MPC, Puan Hazwani Nadiah Ismail dan Puan Haslizayanti Othman.

Antara pengisian bengkel berkenaan adalah mengenai proses ubah suai tanah di Kuantan dan perkongsian mengenai cabaran serta isu dari perspektif PKNP.

PKNP dan MPC saling bekerjasama dan merupakan antara entiti penting dalam membantu merencanakan pelaburan di Negeri Pahang.

## SUMBANGAN RAMADAN KELAB KELUARGA KUMPULAN PKNP KEPADA AHLI KELAB



Kelab Keluarga Kumpulan PKNP sentiasa peka akan keperluan Warga Kerja PKNP menjelang bulan Ramadan

Kuantan, 6 April - Presiden Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman telah menyerahkan sumbangan ramadan kepada Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar pada hari ini di Tingkat 16, Kompleks Teruntum.

Serahan sumbangan ini adalah satu simbolik pemberian sumbangan dari Kelab Keluarga Kumpulan PKNP kepada anggota pekerja PKNP.

Sementara itu, seramai 208 ahli Kelab Keluarga Kumpulan PKNP menerima sumbangan berupa barangan dapur. Antara barangannya adalah minyak masak, gula, susu dan sardin.

Program yang diadakan saban tahun ini diteruskan lagi dengan matlamat berkongsi rezeki dan membantu ahli-ahli membuat persiapan dalam menjalani bulan Ramadan.

Malah, program ini menandakan keprihatinan kepimpinan Kelab Keluarga Kumpulan PKNP

## PROGRAM TAZKIRAH RAMADAN - SIRI PROGRAM ILMU PKNP





**KELAB KELUARGA PKNP BERSIH SURAU JPAM**



**MAJLIS KHATAM AL - QURAN PKNP**



**PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK PKNP 2022**



*Sidang Redaksi*

**PENAUNG / PENASIHAT**  
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**PENYELARAS PENERBITAN**  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

**KETUA EDITOR**  
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

**GRAFIK**  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli  
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

**JURUFOTO**  
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman  
Muhammad Faleq Aidid bin Mohd Shamsul Kahar